

Oleh Nurul Hidayah
Bahaudin
nurul.hidayah.com.my

Sepang

Kerajaan wujud skim khas

Bayar *ex-gratia* kepada individu ada kesan sampingan serius selepas terima vaksin

Kerajaan mewujudkan skim khas bagi melindungi individu yang mempunyai kesan sampingan serius selepas menerima suntikan vaksin dan membayar *ex-gratia* kepada mereka.

Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin berkata, perkara itu diputuskan jemaah menteri dalam mesyuarat khas yang diadakan minggu lalu.

"Skim itu adalah untuk memberi perlindungan dan pembayaran *ex-gratia* kepada sesiapa yang ada kesan sampingan vaksin serius dikaitkan secara langsung dengan pemberian vaksin.

"Pengumuman berhubung skim itu akan dilakukan dalam masa terdekat," katanya selepas menyambut ketibaan vaksin Covid-19 Pfizer-BioNTech di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Mengulas mengenai perkembangan baharu di sebuah negara yang memaklumkan pengambilan satu dos vaksin Pfizer-BioNTech mencapai keberkesanan 85 peratus, beliau berkata, pihaknya masih belum lagi membuat kajian mengenai data berkenaan.

"Kita masih lagi belum membuat kajian mengenai data itu. Pada masa sama, kita masih lagi kekal dengan polisi pengambilan dua dos bagi vaksin itu.



Pengumuman berhubung skim itu akan dilakukan dalam masa terdekat"

Khairy Jamaluddin

"Pengambilan dos kedua pula akan dilakukan selang 21 hari daripada pengambilan

dos pertama seperti yang disarankan pihak pengeluar vaksin terbabit," katanya.

Khairy yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan turut memaklumkan kerajaan masih mengekalkan polisi pendaftaran pengambilan vaksin di negara ini secara sukarela.

"Bagaimanapun, kita tengok nanti sama ada ramai atau tidak (yang mendaftar) dan baru kita akan buat keputusan untuk polisi lain," katanya.

Menurutnya, pihaknya juga akan bekerjasama dengan

organisasi antarabangsa serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membantu mengesan warga asing yang tidak mempunyai dokumen supaya tampil untuk pemberian vaksin.

"Kita akan mengadakan perjumpaan dengan organisasi antarabangsa dan NGO bagi membuat pelan untuk mendekati golongan berkenaan supaya tampil.

"Tindakan ini penting supaya mereka tahu bahawa mereka tidak akan ditahan ketika tampil untuk pengambilan vaksin nanti," katanya.